

Isnin, 18 Mei 2020 | 1:19pm



Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Perak menyita 127 tong gas petroleum cecair (LPG) yang dikesan dijual tanpa lesen di dalam stor di sebuah premis di Simpang Pulai.- Foto Ihsan KPDNHEP Perak

## 127 tong LPG dijual tanpa lesen disita

Oleh Balqis Jazimah Zahari  
bhnews@bh.com.my

IPOH : Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Perak menyita 127 tong gas petroleum cecair (LPG) bernilai RM12,493.20 yang dikesan dijual tanpa lesen di dalam stor di sebuah premis beroperasi di Simpang Pulai, semalam.

Ketua Pegawai Penguatkuasa negeri, V Ravichandran, berkata serbuan pada jam 12 tengahari itu dijalankan sepasukan anggota KPDNHEP, susulan risikan dan maklumat orang awam diterima.

"Ketika serbuan seorang lelaki berusia 44 tahun mengaku sebagai pemilik stor dan gagal mengemukakan lesen barang kawalan berjadual berurusniaga barang kawalan LPG di premis terbabit.

"Hasil pemeriksaan, kami merampas 127 tong LPG bersubsidi pelbagai jenama, manakala sebanyak 158 unit lagi LPG dikesan, masih dalam proses pesanan penghantaran dengan pembekal," katanya.

Ravichandran berkata, suspek memperolehi bekalan barang kawalan LPG daripada dua pembekal di bandaraya ini.

Beliau berkata, pemilik premis diarahkan untuk membuat pengisyhtaran stok di bawah Seksyen 8 Akta Kawalan Bekalan 1961.

"Pemilik premis ini disiasat di bawah Seksyen 21 Akta Kawalan Bekalan 1961 iaitu disyaki seseorang yang memiliki atau dalam kawalannya barang kawalan berjadual di dalam keadaan yang menimbulkan syak yang munasabah untuk melanggar Peraturan 3 (1) Peraturan Peraturan Kawalan Bekalan 1974.

"Pembekal juga akan disiasat kerana disyaki melakukan kesalahan dibawah Seksyen 20 (1) Akta Kawalan Bekalan 1961," katanya.

Katanya, kepada mana-mana orang disabitkan kesalahan di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961 dan perundungan subsidiari di bawahnya boleh dikenakan denda.

"Jika orang itu bukan suatu pertubuhan perbadanan boleh didenda tidak melebihi RM 1 juta atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau keduanya sekali, dan bagi kesalahan kedua dan berikutnya di denda tidak melebihi RM3 juta atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya.

"Jika orang itu ialah suatu pertubuhan perbadanan boleh didenda tidak melebihi RM2 juta, dan bagi kesalahan yang kedua atau berikutnya didenda tidak melebihi RM5 juta," katanya.

<https://www.bharian.com.my/berita/wilayah/2020/05/690212/127-tong-lpg-dijual-tanpa-lesen-disita>